

Ucapan : Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]

Tajuk Ucapan : Lokasi Stabar Quarry (Kuching) Yang Terlalu Dekat Kepada Kawasan Perumahan

Tarikh Ucapan : 3 April 2019 (Rabu)

Kementerian : Kementerian Air Tanah dan Sumber Asli

Tuan Yang Dipertua, di Kuching adanya sebuah kuari 'Stabar Quarry' yang dimiliki oleh CMS Quarries Sdn Bhd yang beroperasi berdekatan dengan kawasan perumahan Batu 7 termasuk Taman Mei Lee, Taman Wai Leong, Taman Sentosa dan Sentosa Height. Mengikut anggaran yang ada, jarak antara kuari tersebut kepada Taman Mei Lee cuma 250m.

Malah, ada kes yang berlaku pada 5th Disember 2008 di mana batu besar telah terbang ke kawasan perumahan disebabkan aktiviti "blasting" yang menyebabkan kerosakan di 2 rumah di kawasan perumahan tersebut. Gegaran juga dapat dirasai untuk semua yang tinggal di kawasan berdekatan sampai beberapa kilometer. Orang yang tinggal di kawasan tersebut terutamanya kanak-kanak dan orang tua amatlah bimbang tentang keselamatan mereka.

'Blast' dari kuari tersebut juga semakin dekat kepada kawasan perumahan dan gegaran yang berlaku mungkin menjejaskan struktur dan integriti tanah terutamanya asas atau 'foundation' rumah yang ada. Ini juga meningkatkan risiko tanah runtuh disebabkan "heavy loading" di sekitar Sungai Stakan dan juga merosakkan "rock strata structure" berhampiran lembah tersebut.

Mengikut spesifikasi Kementerian, jarak "buffer safe zone" antara kuari dan kawasan perumahan sepatutnya lebih daripada 600m. Pada tahun 2017, ada insiden tanah runtuh di kawasan perumahan Tanjung Bungah di Pulau Pinang disebabkan kuari yang berdekatan. Jarak antara kuari tersebut dengan kawasan perumahan tersebut adalah 750m.

Oleh itu, saya meminta agar pihak kementerian dapat membuat pemeriksaan di kawasan tersebut dan juga untuk memastikan integriti tanah dan struktur rumah di kawasan perumahan tersebut tidak terjejas disebabkan kerja-kerja kuari tersebut dan juga mengambil langkah-langkah yang perlu jika spesifikasi dan peraturan Kementerian untuk kuari tersebut yang boleh mengancam keselamatan penduduk tidak dipatuhi.

Saya berharap pihak Kementerian akan memandang serius isu ini dan mengambil langkah yang perlu sebelum apa-apa kemalangan yang tidak diingini berlaku.

JAWAPAN

Tuan yang di- Pertua

1. Maklumat asas Kuari Bukit Stabar, Batu 7, Jalan Penrissen, Kuching.

- 1.1 Pelesen : Sara Kuari Sdn. Bhd. (Sekarang dikenali sebagai CMS Resources Sdn. Bhd.)
- 1.2 Operator Kuari : CMS Quarries Sdn. Bhd
- 1.3 No. Lesen Kuari : KD/1/2001
- 1.4 Lokaliti : Bukit Stabar, 7th Mile, Penrissen Road, Kuching
- 1.5 Keluasan : 27.76 hektar
- 1.6 Tempoh lesen : 20 tahun
- 1.7 Tarikh luput lesen : 29 November 2020
- 1.8 Jenis batuan : Microtonalite
- 1.9 Kekurangan : 1-4 kali sebulan peletupan
- 1.10 Bilangan lubang letupan : 15-45 lubang per letupan (Maksimum 45 lubang letupan seperti yang disyaratkan oleh Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Kuching)

2. Operasi pengkuarian di Bukit Stabar bermula sejak tahun 1950an oleh JKR dan telah diambil alih oleh SEDC pada tahun 1980an dan seterusnya oleh Sara Kuari Sdn. Bhd.

3. Lesen Kuari dikeluarkan oleh Jabatan Tanah dan Survei Sarawak dan operasi kuari dikawal di bawah Sarawak Land Code (Chap. 81). Syarat-syarat berkaitan operasi pengkuarian dinyatakan dalam lesen kuari yang dikeluarkan. Sarawak tidak mempunyai Peraturan-Peraturan Kuari (Quarry Rules) seperti kebanyakan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia untuk mengawal operasi pengkuarian yang dijalankan.

4. Suatu kejadian batu terbang telah berlaku pada 5 Disember 2008. Selepas kejadian tersebut, Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Kuching telah mengarahkan pihak CMS Resources Sdn. Bhd. untuk mengemukakan program dan rekabentuk peletupan kepada JMG Sarawak sebelum aktiviti peletupan dijalankan. Perkara ini telah dilaksanakan oleh pihak CMS Resources Sdn. Bhd./ CMS Quarries Sdn. Bhd.

5. Pemantauan gegaran bumi (ground vibration) dan ledakan udara (air blast) serta pemeriksaan ke tapak peletupan turut dijalankan oleh JMG Sarawak sejak tahun 2009. Rekod pemantauan peletupan yang dijalankan pada 19 Mac 2019 menunjukkan bacaan gegaran bumi (ground vibration) ialah 2.74 mm/s dan bacaan ledakan udara (air blast) ialah 113.8 dBL. Rekod pemantauan menunjukkan bahawa gegaran bumi (ground vibration) dan ledakan udara (air blast) di bawah had yang ditetapkan iaitu 5 mm/s dan 120 dBL.

6. Tiada aduan diterima oleh JMG Sarawak selepas kejadian Disember 2008. Lesen Kuari ini tidak tertakluk kepada Surat Kelulusan Skim Kuari (SKSK) kerana tiada syarat tersebut di dalam Lesen Kuari yang dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.